

## **Kajian Kesediaan Penerimaan Teknik SRI dalam kalangan Petani Luar Bandar menggunakan Pendekatan Model Teori Tingkahlaku yang dirancang**

Zakirah Othman  
Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik  
Kolej Perniagaan, 06010 Sintok  
Universiti Utara Malaysia  
Malaysia  
E-mail: [zakirah@uum.edu.my](mailto:zakirah@uum.edu.my)

<sup>1</sup> Fadhilah Mat Yamin  
Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik  
Kolej Perniagaan, 06010 Sintok  
Universiti Utara Malaysia  
Malaysia  
E-mail: [1fmy@uum.edu.my](mailto:1fmy@uum.edu.my)

<sup>2</sup>Noorulsadiqin Azbiya Yaacob  
Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik  
Kolej Perniagaan, 06010 Sintok  
Universiti Utara Malaysia  
Malaysia  
E-mail: [2sadiqin@uum.edu.my](mailto:2sadiqin@uum.edu.my)

<sup>3</sup>Nurul Huda Che Ali  
E-mail: [3ca.huda@uum.edu.my](mailto:3ca.huda@uum.edu.my)  
Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik  
Kolej Perniagaan, 06010 Sintok  
Universiti Utara Malaysia  
Malaysia

### **ABSTRAK**

Perubahan amalan kebiasaan sesuatu komuniti kepada amalan baru terhadap sesuatu teknologi atau kaedah mempunyai episodnya yang tersendiri. Perubahan ini akan melibatkan penerimaan dan kesediaan sesuatu komuniti ke atas teknologi atau kaedah yang bakal diperkenalkan. Kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji sejauh mana teori tingkahlaku yang dirancang (TPB) dapat menerangkan kesediaan petani kawasan luar bandar di Kampung Lentang, daerah Sik untuk berubah menggunakan kaedah Sistem Keamatan Padi (*System of Rice Intensification* - SRI) dalam penanaman padi. Kajian ini bersifat pemerolehan. Pengumpulan data dilaksanakan melalui kaedah temubual dan pemerhatian. Dapatan kajian mendapati kesediaan responden terhadap kaedah SRI boleh ditentukan oleh faktor sikap, faktor norma subjektif dan persepsi kawalan gelagat. Hasil kajian ini akan memberi panduan kepada penyelidik dan agensi-agensi lain untuk merancang kesinambungan program yang sesuai untuk komuniti petani luar bandar.

Kata kunci: lestari, model kesediaan, luar bandar

### **ABSTRACT**

*Changing nature of the community to the new practice has their own episodes. From a management perspective, these changes will involve awareness and technology readiness. Therefore, this study was conducted to examine the theory of planned behavior in influencing the willingness of farmers in Kampung Lentan, Sik to change using SRI techniques in rice cultivation. This study employed an exploratory study. Data were collected through observation and interviews. The findings of this study show, the respondents have intention to practice SRI, where attitudes, subjective norms, and perceptions of behavioural control factors influencing the readiness of respondents. This finding of this*

*study will provide guidance to researchers and other agencies to plan continuity programs related to rural farmers.*

*Keywords: sustainable, technology readiness, rural area*

## PENDAHULUAN

Pembangunan ekonomi yang melibatkan penanaman padi di sesuatu kawasan luar bandar memberi kesan yang besar khususnya di kawasan Jelapang Padi. Umumnya, penanaman padi di Kedah boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu di bawah kawalan MADA dan KEDA. Kawasan di bawah pemantauan KEDA pula menghadapi beberapa masalah infrastruktur terutamanya keperluan air. Sehubungan itu, kawasan kampung Lentang adalah kawasan di bawah pemantauan KEDA hanya boleh menanam padi sawah setahun sekali berbanding kawasan di bawah pemantauan pihak MADA yang boleh menanam padi sebanyak dua kali setahun. Ini kerana penanaman tersebut bergantung sepenuhnya kepada faktor cuaca.

Pengurusan penanaman padi melalui kaedah SRI boleh memberi impak yang besar kepada penduduk kawasan KEDA. Namun begitu, faktor-faktor yang mempengaruhi kesediaan untuk berubah dan tahap kesediaan petani perlulah dikenalpasti. Ini kerana perubahan dan kesediaan petani untuk menukar kaedah penanaman secara konvensional bukanlah sesuatu yang mudah. Sokongan pelbagai pihak terutama badan kerajaan dan ahli akademik diharap dapat memberi kesan yang besar. Realitinya, di kebanyakan negara yang menggunakan kaedah SRI ini, golongan akademik, sosialis dan kerajaan bergabung tenaga untuk meningkatkan taraf kualiti hidup mereka. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji sejauh mana teori tingkahlaku yang dirancang dapat menerangkan kesediaan petani kawasan luar bandar di Daerah Sik, khususnya Kampung Lentang untuk berubah menggunakan teknik SRI dalam penanaman padi mereka.

## KAJIAN LEPAS

Terdapat pelbagai perkembangan teori dan pendekatan yang telah dijalankan bagi menghuraikan tingkah laku manusia. Perkembangan teori ini adalah disebabkan oleh tingkah laku manusia yang berbeza. Fishbein dan Ajzen (1975) telah mengembangkan sebuah kerangka bagi mengatasi permasalahan mengenai hubungan sikap-perilaku, iaitu Teori Tindakan Alasan (*Theory of Reasoned Action*, TRA). TRA ini telah dikembangkan lagi dengan penambahbaikan melalui Teori Tingkah Laku yang Dirancang (*Theory of Planned Behavior*, TPB) oleh Ajzen (1985).

Teori Tingkah Laku yang Dirancang (TPB), meramalkan bahawa tingkah laku yang dirancang adalah yang ditentukan oleh niat tingkah laku yang sebahagiannya dipengaruhi oleh sikap individu ke arah tingkah laku, norma subjektif dan persepsi kawalan mereka ke atas tingkah laku individu (Ajzen, 1975). Model TPB ini telah mengembangkan model TRA dengan memasukkan satu lagi pembolehubah tambahan iaitu pembolehubah persepsi kawalan kelakuan (*perceived behavior control*). Ajzen dan Fishbein (1980) telah mengemukakan Teori Tindakan Alasan (*Theory of Reasoned Action*, TRA). TRA adalah teori lanjutan daripada *Theory Acceptance Model* (TAM). Fishbein dan Ajzen (1975) telah menyelidik hubungan di antara kepercayaan, sikap, dan perlakuan dengan membangunkan satu model struktur sikap. Teori ini didasarkan pada beberapa andaian iaitu bahawa manusia secara umumnya melakukan sesuatu dengan cara-cara yang masuk akal, manusia mempertimbangkan semua maklumat yang ada dan bahawa secara jelas mahupun secara tidak langsung manusia mempertimbangkan implikasi terhadap tindakan mereka.

TRA mengatakan bahawa sikap manusia mempengaruhi perilaku melalui satu proses pengambilan keputusan (*decision making*) yang teliti dan beralasan. TRA juga mengatakan bahawa keputusan perlakuan adalah yang terbaik untuk meramal niat. Niat yang dimaksudkan itu adalah merujuk kepada sikap dan norma subjektif.

Dalam teori perilaku terancang ini, keyakinan dipengaruhi oleh sikap terhadap perilaku tertentu, pada norma-norma subjektif dan pada kawalan perilaku yang dihayati. Ketiga-tiga komponen tersebut saling bergantung dan menjadi penentu bagi niat yang akan menentukan sama ada kelakuan berkenaan akan dilakukan atau tidak. Selain itu, dalam TPB juga pengawalan kelakuan secara langsung akan mempengaruhi niat untuk melaksanakan sesuatu kelakuan dan berkemungkinan juga secara langsung akan mempengaruhi kelakuan dalam keadaan di mana pengguna berniat untuk melaksanakan sesuatu kelakuan tetapi dihalang daripada melakukan tindakan tersebut (Ajzen, 1985).

Sikap terhadap sesuatu perilaku itu dipengaruhi oleh keyakinan bahawa perilaku tersebut akan memberikan hasil yang diinginkan atau yang tidak diinginkan. Keyakinan mengenai perilaku adalah apa yang bersifat normatif iaitu apa yang diharapkan oleh orang lain dan merupakan motivasi untuk bertindak bersesuaian dengan harapan normatif tersebut yang membentuk norma subjektif dalam diri seseorang individu itu.

Merujuk kepada model TPB ini, kelakuan seseorang individu dapat dijelaskan berdasarkan kepada niat kelakuan (*behavioral intention*) seseorang itu yang dipengaruhi juga oleh sikap (*attitude*), norma subjektif dan juga dipengaruhi oleh persepsi kawalan kelakuan (*perceived behavioral control*). Sikap adalah merujuk kepada penilaian seseorang individu sama ada pelaksanaan sesuatu kelakuan itu adalah positif atau sebaliknya (Ajzen & Madden, 1986). Manakala norma subjektif pula merujuk kepada persepsi seseorang individu bahawa orang yang penting kepadanya memikirkan individu tersebut harus atau tidak harus melaksanakan sesuatu kelakuan dalam konteks tertentu (Ajzen, 1985).

Model teoritik dari TPB mengandungi pelbagai pemboleh ubah iaitu, latar belakang (*background factors*), keyakinan perilaku (*behavioral belief*), keyakinan normatif (*normative beliefs*), norma subjektif (*subjective norm*), keyakinan bahawa sesuatu perilaku itu dapat dilaksanakan (*control beliefs*), dan persepsi kemampuan mengawal (*perceived behavioral control*).

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kajian kes terhadap petani luar bandar. Responden yang digunakan adalah terdiri daripada golongan pesawah yang telah mengikuti latihan dan kursus SRI di *National Organic Center* di Indonesia atau mendapat latihan, kursus dan bimbingan di *SRI Lovely Farm* di Sik. Kaedah kajian yang dijalankan adalah menemubual responden yang terlibat dengan penanaman padi dengan menggunakan kaedah dan teknik SRI. Seramai enam orang responden telah dipilih untuk kajian ini. Sementara responden yang lain tidak dapat digunakan kerana tidak dapat dihubungi, kerana telah menyambung pengajian dan mempunyai masalah kesihatan.

Data dikumpulkan bermula dengan maklumat demografi responden iaitu nama, umur dan pekerjaan mereka. Seterusnya tiga dimensi iaitu sikap, norma subjektif dan persepsi kawalan gelagat berdasarkan teori TPB di kemukakan dalam soalan temubual. Soalan kajian utama adalah berkaitan dimensi sikap yang boleh dibahagikan kepada lima kategori iaitu Kelebihan Relatif, Kesesuaian, Kompleksiti, Kebolehujian dan Kebolehpemerhatian. Sementara Persepsi Kawalan Gelagat boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kekesanan Diri dan Kemudahan Keadaan.

Kajian rintis telah dilakukan pada 24 Disember 2012. Sementara pengumpulan dan analisis data untuk kajian ini bermula pada 13 Februari 2013 sehingga 14 September 2013. Metod analisis Strauss dan Corbin (1990), Merriam (2001) dan Saat (2009) telah digunakan untuk menganalisis data. Data dari rakaman temubual dan catatan ditranskripkan untuk tujuan mengkod dan mengkategorikan berdasarkan item TPB. Pemerosesan data-data kualitatif melibatkan beberapa peringkat untuk tujuan analisis. Antaranya seperti berikut: i) Transkripsi Data ii) Organisasi Data iii) Koding dan kategori Data iv) Tema v) Tahap Ketepuan Data vi) Laporan.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian boleh di bahagikan kepada beberapa seksyen iaitu; profil, sikap, norma subjektif dan kawalan tingkahlaku.

## PROFIL

Kajian ini melibatkan enam orang pesawah iaitu tiga orang daripada mereka bekerja sebagai petani sepenuh masa. Pekerjaan sembilan lima orang responden adalah penoreh getah, sementara seorang sebagai Pengurus Koperasi dan seorang lagi pemandu traktor. Lingkungan umur responden adalah di antara 26 dan 55 tahun. Majoriti daripada responden telah berkahwin dan kesemua mereka adalah lelaki.

Seterusnya, Jadual 1 menunjukkan seorang responden berkelulusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), empat orang responden berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan seorang berkelulusan daripada kolej/universiti. Dari segi pengalaman menanam padi, empat orang berpengalaman selama 11 hingga 15 tahun, sementara dua orang responden mempunyai pengalaman kurang 5 tahun dalam menanam padi. Sumber pendapat bagi semua responden adalah di bawah

RM1000 sebulan. Jadual 4.2 juga menunjukkan hanya seorang responden yang mempunyai tanah sawahnya sendiri sebanyak satu relung sahaja tetapi responden selebihnya tidak mempunyai tanah sawah kerana mereka menanam padi di tanah sawah yang dipajak oleh koperasi.

Dapatan kajian mendapati kesediaan menggunakan dan menerima kaedah SRI boleh ditentukan oleh faktor sikap, faktor norma subjektif dan kawalan tingkahlaku.

## SIKAP

Sikap seseorang terhadap kelakuan adalah merujuk kepada penilaiannya bahawa sama ada perlaksanaan sesuatu kelakuan itu adalah baik atau sebaliknya. Faktor atribut sikap yang mempengaruhi kesediaan menggunakan kaedah SRI ialah kelebihan relatif, kesesuaian, kompleksiti, kebolehpemerhatian.

Kepercayaan seseorang individu itu mempengaruhi sikap individu dan seterusnya akan membentuk niat yang akan menghasilkan kelakuan. Berdasarkan faktor sikap ini didapati sikap telah mempengaruhi petani untuk bersedia mengamalkan kaedah SRI. Petani juga terdorong dengan kaedah ini kerana menjimatkan kos, mudah dan menepati syariat agama Islam.

Dapatan kajian berkenaan sikap juga dapat dikaitkan dengan faktor demografi. Didapati responden yang mempunyai pengalaman bertani kaedah SRI dapat menentukan cabaran yang dihadapi. Cabaran yang dihadapi antaranya, pengurusan kaedah SRI memerlukan penggunaan buruh yang ramai dalam pengurusan mengemburkan tanah. Cadangan responden untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menyediakan kemudahan peralatan bermesin yang lebih baik dengan mengadaptasi teknologi yang telah ada di negara lain ke persekitaran Malaysia.

Kesemua responden menyatakan kaedah SRI ini mudah dilaksanakan. R4 dan R6 menambah SRI ini mudah sekiranya petani ini telah faham kaedah SRI. Ini dapat dilihat seperti temubual dengan responden keempat:

“SRI ini bagi saya,... kalau tak belajar, apa satu pun tak tahu. .... Petani itu mesti diilmukan .... belajar tu bukan satu, dua hari...kursus dan *hand-on*, maknanya di lapangan. .... Dia kena turun sendiri, dia kena turun *and then* dia *feel* sendiri dan dia tahu apa nak buat.”

(Responden 4, komunikasi personal, 14 September 2013)

Dapatan kajian juga menunjukkan semua responden telah mengikuti kursus dan latihan SRI dan berasa cukup selesa dengan teknik serta kaedah yang dipelajari dan bersedia untuk melaksanakannya. Jika petani diberi bantuan yang secukupnya dari segi kewangan dan prasarana terutamanya daripada kerajaan, perasaan takut untuk mengaplikasi teknik SRI dapat diminimumkan.

## NORMA SUBJEKTIF

Norma subjektif merujuk kepada persepsi manusia terhadap manusia lain yang penting kepadanya dan berfikir sama ada pelaku patut atau tidak bergelagat sedemikian (Fishbein & Ajzen, 1975). Ini berkait dengan tindakan manusia yang berdasarkan persepsi apa yang orang lain fikir mereka patut lakukan. Dari segi norma subjektif, didapati kesemua responden mendapat motivasi untuk melaksanakan amalan SRI daripada rakan-rakan petani yang mengamalkan kaedah yang sama di bawah koperasi. Norma subjektif yang wujud dalam bentuk pengaruh kumpulan pengguna didapati tidak mempunyai pengaruh dengan kemahuan menerima kaedah SRI sepenuhnya. Ini disebabkan responden mendapat maklumat daripada organisasi seperti KEDA dan Pusat latihan dan ini mengurangkan pergantungan kepada rakan, jiran atau keluarga.

## KAWALAN TINGKAHLAKU

Dalam mempertimbangkan kawalan tingkahlaku, faktor kekesanan-diri dan sokongan kerajaan didapati penting. Kesemua responden menggunakan kaedah SRI atas dorongan keselamatan diri kerana teknik tanaman ini tidak menggunakan racun. R2 pula menekankan kaedah ini perlu untuk mengekalkan alam sekitar kepada generasi akan datang.

Kesemua Responden melihat sokongan kerajaan didapati penting dalam meneruskan kesinambungan kesediaan menggunakan kaedah SRI. R1, R4 dan R6 menyatakan kaedah ini memerlukan dana kewangan dari pengurusan untuk menstabilkan kawasan mereka. Sementara R5 menyatakan bantuan

mesin untuk kemudahan kerja dan mesin beras amat diperlukan. Selain itu R4 berpendapat semua agensi perlulah memberikan promosi penekanan dan sokongan yang berterusan.

Kemudahan peralatan diperolehi daripada membuat sendiri seperti alat penanda tanaman, alat melandak dan cangkul. Walaubagaimanapun terdapat juga infrastruktur prasarana yang telah diberikan oleh KEDA seperti traktor, menyediakan jalan dan membersihkan kawasan. Selain itu didapati MARDI dan Jabatan Pertanian terutama Jabatan Pertanian daerah Sik banyak memberi bantuan kepada mereka. Mereka juga selalu mendapat nasihat dari agensi pembangunan SRI.

Dari segi kemudahan teknologi maklumat, hanya seorang responden tidak mengetahui cara untuk menggunakan komputer dan melayari Internet. Dua responden menyatakan Internet sebagai salah satu medium yang penting untuk mendapatkan sumber maklumat dan rujukan mengenai SRI terutamanya di negara lain seperti India dan Indonesia. Kajian ini menghasilkan model kesediaan terhadap kaedah SRI di luar bandar.

## KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk meneroka faktor yang mempengaruhi kesediaan responden terhadap kaedah SRI. Lanjutan untuk kajian masa depan, beberapa cadangan boleh dipertimbangkan. Pertama, kajian boleh dijalankan terhadap petani sedia ada yang menggunakan kaedah tanaman organik selain SRI. Kedua, kaedah SRI merupakan kaedah pengurusan yang masih baru di Malaysia. Maka, pelbagai aspek kajian lain turut boleh diterokai seperti konsep pengkormersialan dan rantai nilai dalam kaedah tanaman ini. Penemuan kajian ini memberikan implikasi yang penting kepada organisasi seperti KEDA dan Jabatan pertanian untuk merangka kursus dan latihan yang patut diberikan kepada petani untuk memulakan sesuatu perubahan dalam pengurusan pertanian sedia ada.

## RUJUKAN

- Ajzen, I. & Fishbein, M. (1980), *Understanding Attitudes and Predicting Social Behavior*, Prentice-Hall, Englewood Cliffs, NJ.
- Ajzen, I. (1985). From intentions to actions: A theory of planned behavior. In J. Kuhi & J. Beckmann (Eds.), *Action. Control: From cognition to behavior* (pp. 11-39). Heidelberg: Springer.
- Ajzen, I., & Madden, T. J. (1986). Prediction of goal directed behavior: Attitudes, intentions, and perceived behavioral control. *Journal of Experimental Social Psychology*, 22, 453-474.
- Fishbein, M. & Ajzen, I. (1975), *Belief, Attitude, Intention and Behavior. An Introduction to Theory and Research*, Addison Wesley, Reading, MA.
- Responden 1, komunikasi peribadi, 22 Mac 2013.
- Responden 2, komunikasi peribadi, 4 April 2013.
- Responden 3, komunikasi peribadi, 11 April 2013.
- Responden 4, komunikasi peribadi, 24 April 2013.
- Rostow, W.W. (1990). *Theorists of Economic Growth from David Hume to the Present*. New York: Oxford University Press.
- Shihua, C., S. Zongxiu, & S. Huamin. (1991). Simulation of the effect of temperature on spikelet fertility in rice and its consequences for rice production. p. 73-78. In F.W.T. Penning de Vries, H.H. van Laar, and M.J. Kropff (Eds.). *Simulation and Systems Analysis for Rice Production (SARP)*. Pudoc, Wageningen.
- Stoop, W.A, Uphoff, N., & Kassam, A. (2002). A review of agricultural research issues raised by the system of rice intensification (SRI) from Madagascar: Opportunities for improving farming systems for resource-poor farmers. *Agricultural Systems*, 71, 249-274
- WWF-ICRISAT. (2010). More rice for people more water for the planet.

JADUAL 1: Profil Responden

Butiran		Kekerapan
<b>Pekerjaan</b>	Petani (pesawah)	6
<b>Pekerjaan Sambilan</b>	i. Penoreh	3
	ii. Pengurus Koperasi	1
	ii. Pembawa Traktor	1
<b>Umur</b>	26-35	2

	36-45	2
	46-55	2
<b>Taraf perkahwinan</b>	Bujang	1
	Berkahwin	5
<b>Akademik</b>	Sekolah Rendah (UPSR)	2
	Sekolah Menengah (SPM)	3
	Kolej/Universiti	1
<b>Sumber pendapatan</b>	Rm1000 dan kebawah	6
<b>Tempoh penanaman padi</b>	1-5 tahun	4
	6-10 tahun	0
	11-15 tahun	2
<b>Mempunyai tanah sawah</b>	Ya	1
	Tidak	5
<b>Keluasan tanah sawah</b>	1 relung	1
	2 relung	0
<b>Sewa atau pajak tanah</b>	Ya	6
	Tidak	